

Usaha wujudkan gaya hidup dalam kalangan mahasiswa

UTHM berkenal 1Penghuni 1Sukan

Oleh ZAINAL AZHAR MOHAMED
utusan.johor@gmail.com

BATU PAHAT 19 Nov. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melancarkan program 1Penghuni 1Sukan dalam kalangan warganya bagi mewujudkan persekitaran dan penuntut yang sihat baru-baru ini.

Ketua Komunikasi Korporat UTHM, Shafray Salim berkata, program itu diperkenalkan oleh Kolej Kediaman Perwira bagi mengiringi polisi 1Murid 1Sukan yang dilancarkan kerajaan khusus untuk para pelajar di peringkat sekolah.

"Majlis pelancaran program itu disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Madar di Dataran Blok A, Kolej Kediaman Perwira di sini.

"Polisi 1Penghuni 1Sukan juga di-



SEBAHAGIAN daripada warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia menyertai pelancaran program 1Penghuni 1Sukan di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

semarakkan dengan konsep rumah sukan yang turut mula dikembangkan pada September lalu dengan semua penghuni di Kolej Kediaman Perwira menganggotai rumah sukan sama ada Scarlet (merah), Azure (bi-

ru), Harlequin (hijau) atau Aureolin (kuning)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, pelancaran polisi itu dimulakan dengan aktiviti senamrobik, larian obor oleh penye-

laras program sebelum diikuti ketua rumah-rumah sukan serta gimik perasmian dengan kemunculan skuad 'all-terrain vehicle' (ATV).

Tambahnya, majlis itu diteruskan dengan Kejohanan Merentas Desa

Piala Pengetua Kolej yang diwakili oleh rumah sukan masing-masing.

"Iltizam utama polisi 1Penghuni 1Sukan adalah ke arah meningkatkan gaya hidup sihat dalam kalangan penghuni kolej kediaman.

"Program ini juga secara langsung dapat menjayakan Pelan Transformasi Mahasiswa Holistik Perwira dengan wawasan untuk melahirkan penghuni yang bukan sahaja cergas fizikal, malah cerdas minda," katanya.